

Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dipilih hari ini

→ 9 Raja Melayu mesyuarat, buat undian susulan peletakan jawatan Sultan Muhammad V

► Kuala Lumpur

Sembilan Raja Melayu akan bermesyuarat hari ini bagi memilih Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong baharu yang akan bersemayam bagi tempoh lima tahun.

Mesyuarat khas Majlis Raja-Raja yang dijadual berlangsung di Istana Negara pada jam 10.30 pagi, diadakan susulan peletakan jawatan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 pada 6 Januari lalu.

Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kini dipegang Sultan Perak Sultan Nazrin Shah yang

turut memangku jawatan Yang di-Pertuan Agong sehingga urusan pelantikan ketua negara yang baharu selesai.

Mengikut Seksyen 2, Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada Raja yang layak dipilih, yang negerinya ialah yang pertama dalam senarai pemilihan.

Susunan penggiliran pertama pelantikan Yang di-Pertuan Agong dilakukan atas persetujuan Raja negeri-negeri mengikut kekananan dari segi tempoh pemerintahan yang dimulakan dengan Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Tereng-

ganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

Hanya Raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja yang terlibat dalam proses pemilihan itu.

Menurut laman web rasmi Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, ketika pemilihan, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja membekalkan satu kertas undi setiap Raja dan setiap Raja diminta menandakan pendapat sama ada Raja paling kanan (satu nama sahaja) sesuai atau tidak dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Calon mestilah mendapat majoriti lima undi sebelum Raja yang mempengerusikan Mesyuarat Pe-

milihan menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada baginda.

Jika Raja yang berjaya tidak menerima tawaran atau gagal memperoleh undi majoriti, proses pengundian semula akan dijalankan, iaitu dengan mencalonkan nama Raja yang kedua dalam senarai kekananan yang layak dipilih untuk diundi.

Proses hanya akan selesai selepas baginda menerima tawaran jawatan Yang di-Pertuan Agong. Selepas itu, majlis akan mengisytiharkan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan memegang jawatan itu bagi tempoh lima tahun.

BERNAMA